

PENYATA

OLEH

**JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN
DEWAN NEGERI SELANGOR**

Ke atas:-

**Y.B. Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah;
Y.Bhg. Datuk Mohd Hafarizam bin Harun, JP.**

MUKADIMAH

1. Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah dan Datuk Mohd Hafarizam Harun, JP telah dirujuk oleh YB Ijok / YAB Dato' Menteri Besar kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri Selangor melalui Usul No. 7, Tahun 2011 yang berbunyi seperti berikut :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini memutuskan bahawa Yang Berhormat Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Pelabuhan Klang, dan peguam beliau Mohd Hafarizam Harun dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas tuduhan bahawa mereka secara berasingan atau bersesama melakukan kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac, 2011 kepada Tuan Speaker Dewan ini yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut.

Bahawanya untuk tujuan siasatan ke atas perkara tersebut., Yang Berhormat M. Manoharan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kota Alam Shah hendaklah mempengerusikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menggantikan Tuan Speaker, Penggerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan"

2. Jawatankuasa ini telah menetapkan tarikh 29hb April, 2011 (Jumaat) jam 9.30 pagi untuk mendengar penjelasan kedua-dua mereka.

PERTUDUHAN

3. Berikut adalah pertuduhan-pertuduhan melalui Saman yang dikenakan terhadap mereka :-

- 3.1 Ke atas Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah

SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu Y.B. **Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah** dikehendaki menghadirkan diri dihadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **29 April 2011** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 9.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan penjelasan terhadap tuduhan secara berasingan ataupun bersesama melakukan

kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac, 2011 kepada Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut;

*"We have our client's instruction that the costs of RM40,000.00 is to be paid to the Plaintiff and/or us as Solicitors for the Plaintiff within **SEVEN (7) DAYS** from the letter.*

"We also have our client's strict instruction to proceed with the Bankruptcy Proceeding against your client for the failure to comply with the order dated 18th February, 2011 which was served on you on 22nd March, 2011"

Peringatan adalah diberikan bahawa sekiranya kami gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

3.2 Ke atas Datuk Mohd Hafarizam Harun, JP

SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu, **Mohd Hafarizam Bin Harun** selaku peguam kepada Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah dikehendaki menghadirkan diri dihadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **29 April 2011** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan penjelasan terhadap tuduhan secara berasingan ataupun bersesama melakukan kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut;

*"We have our client's instruction that the costs of RM40,000.00 is to be paid to the Plaintiff and/or us as Solicitors for the Plaintiff within **SEVEN (7) DAYS** from the letter.*

"We also have our client's strict instruction to proceed with the Bankruptcy Proceeding against your client for the failure to comply with the order dated 18th February, 2011 which was served on you on 22nd March, 2011"

Peringatan adalah diberikan bahawa menurut Seksyen 3 Enakmen Penghinaan Dewan 2008, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan hadir, memberi keterangan atau mengemukakan dokumen sebagaimana yang diperintahkan dan jika disabitkan kesalahan

bolehlah dihukum penjara untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan atau didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau kedua-duanya menurut Seksyen 4 Enakmen yang sama.

- 3.3 Kandungan Surat yang menjadi perkara pokok bagi pendengaran ini adalah seperti berikut :-

Messrs Tommy Thomas
Advocates & Solicitors
101, Jalan Ara, Bangsar
59100 Kuala Lumpur

BY HAND

Dear Sirs,

**SHAH ALAM HIGH COURT ORIGINATING SUMMONS NO : 24-197-2011
BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH – VS –
TENG CHANG KIM & SURUHANJAYA PILIHANRAYA MALAYSIA**

We refer to the above matter and our letter dated 22/03/2011.

We have our client's instruction that the costs of RM40,000.00 is to be paid to the Plaintiff and/or us as Solicitors for the Plaintiff within **SEVEN (7) DAYS** from this letter.

We also have our client's strict instruction to proceed with the Bankruptcy Proceeding against your client for the failure to comply with the order dated 18th February, 2011 which was served on you on 22nd March, 2011 as Solicitors on record for the 1st Defendant.

Kindly be informed.

Yours faithfully,

DATUK MOHD HAFARIZAM HARUN, JP

PENDENGARAN

4. Satu pendengaran telah diadakan pada 29 April, 2011 untuk membolehkan kedua-dua mereka memberi penjelasan / keterangan bagi membela diri terhadap pertuduhan ke atas mereka .

5. Pada hari pendengaran, hanya Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah sahaja yang hadir manakala Datuk Mohd Hafarizam Harun tidak menghadirkan diri dan juga tidak diwakili oleh peguam.

6. Oleh kerana Datuk Mohd Hafarizam Harun tidak hadir, maka Jawatankuasa ini tidak mempunyai pilihan lain melainkan menganggap beliau melepaskan hak dan peluang untuk memberi penjelasan dan membela diri.
7. Keterangan adalah seperti mana yang terdapat di dalam minit mesyuarat.
8. Puan Nur Ashikin Binti Abdul Rahim telah dipanggil oleh Jawatankuasa sebagai saksi bagi pendengaran kes ini.

RUMUSAN

9. Adalah jelas daripada keterangan Peguam Nur Ashikin Binti Abdul Rahim yang surat bertarikh pada 29 Mac, 2011 dihantar kepada Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut.
10. Adalah juga jelas bahawa wang sejumlah RM40,000.00 dituntut daripada Tuan Speaker dalam kapasitinya secara individu iaitu Dato' Teng Chang Khim dan bukannya dalam kapasiti sebagai Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor.
11. Surat bertarikh 29 Mac, 2011 ditandatangani oleh Datuk Mohd Hafarizam Harun.
12. Surat bertarikh pada 29 Mac, 2011 dihantar oleh Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak kepada Tetuan Tommy Thomas tanpa arahan Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah.
13. Surat bertarikh pada 29 Mac, 2011 dihantar oleh Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak kepada Tetuan Tommy Thomas semasa Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Penggal Keempat Dewan Negeri Yang Kedua Belas.
14. Surat bertarikh 29 Mac, 2011 dihantar untuk menuntut bayaran RM40,000.00 dalam masa tujuh (7) hari dan jika gagal, prosiding kebankrutan akan dilakukan ke atas Tuan Speaker Dato' Teng Chang Khim.
15. Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah telah memberi suatu penjelasan yang jelas kukuh bahawa beliau tidak memberi apa-apa arahan kepada Datuk Mohd Hafarizam Harun untuk menghantar surat bertarikh 29 Mac, 2011 tersebut.


16. Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah juga telah meminta maaf di atas perkara peguam beliau sendiri menghantar surat bertarikh pada 29 Mac, 2011 tanpa arahan-arahan daripada Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah.

SABITAN

17. Jawatankuasa ini merumuskan mendapati Y.B Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah tidak bersalah atas pertuduhan ke atas beliau.
18. Jawatankuasa ini pula merumuskan bahawa Datuk Mohd Hafarizam Harun telah menghina Dewan ini seperti didalam Pertuduhan dan kesalahan menghina Dewan ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia menjelaskan kewibawaan Dewan dimana hukuman yang setimpal hendaklah dikenakan ke atas Datuk Mohd Hafarizam Harun.

HUKUMAN

19. Setelah mempertimbangkan keseluruhan perkara dan keterangan yang berbangkit, maka Jawatankuasa ini dengan sebulat suara mencadangkan untuk mengenakan hukuman seperti berikut ke atas Datuk Mohd Hafarizam Harun :-
 - 19.1 Bagi Datuk Mohd Hafarizam Harun yang enggan hadir untuk memberikan keterangan, Jawatankuasa ini telah mengarahkan Setiusaha Dewan, Tuan Mohamad Yasid Bin Bidin untuk membuat suatu repot polis terhadap Datuk Mohd Hafarizam Harun bagi membolehkan Pendakwaraya Malaysia mengambil tindakan penghinaan Dewan sejajar dengan suatu kesalahan dibawah Seksyen 3(b) Enakmen Penghinaan Dewan (Negeri Selangor) 2009 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 4(a) Enakmen yang sama.
 - 19.2 Bagi Datuk Mohd Hafarizam Harun yang didapati bersalah menghina Dewan ini, dengan menghantar suatu surat bertarikh pada 29 Mac, 2011 kepada Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh, biadap dan mengugut, Jawatankuasa ini mengenakan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 ke atas Datuk Mohd Hafarizam Harun.




Y.B M MANOHARAN

**Pengerusi
Jawatankuasa Hak dan kebebasan
Dewan Negeri Selangor**



LAMPIRAN



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA HAK & KEBEBASAN DEWAN
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KEDUA BELAS
TAHUN 2010**

1/2011

Tarikh	:	29 April 2011 (Jumaat)
Masa	:	9.30 Pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat MMKN Pejabat Dewan Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan Annex Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Hadir:

- | | |
|---|------------------------|
| 1. Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam
(ADN Kota Alam Shah) | Pengerusi
Sementara |
| 2. Y.B. Dr. Shafie bin Abu Bakar
(ADUN Kawasan Bangi) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(ADUN Kawasan Subang Jaya) | Ahli |

Tidak Hadir:

- | | |
|--|------|
| 1. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
(ADUN Kawasan Batu Caves) | Ahli |
| 2. Y.B. Puan Gan Pei Nei
(ADUN Kawasan Rawang) | Ahli |
| 3. Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
(ADUN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Wong Koon Mun
(ADUN Kawasan Kuala Kubu Baharu) | Ahli |

Turut Hadir:

- | | |
|---|------------|
| 1. Tuan Mohamad Yasid Bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan) | Setiausaha |
| 2. Puan Noor Asdiana binti Abdul Kadir
Ketua Penolong Setiausaha Dewan | Urus setia |
| 3. Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha Dewan | Urus setia |
| 4. Puan Siti Salbiah binti Masri
Penolong Pegawai Tadbir Dewan | Urus setia |

1. UCAPAN TUAN PENGERUSI

- 1.1. Y.B. Tuan Pengurus memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam bahagia dan selamat pagi. Ucapan terima kasih juga diucapkan di atas kehadiran ahli-ahli ke mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada hari ini.

Tindakan : Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA HAK & KEBEBASAN BIL 4/2010

- 2.1. Jawatankuasa seterusnya meneliti Minit Mesyuarat Bil 4/2010 yang diadakan pada 22 Jun 2010 perenggan demi perenggan seterusnya minit disahkan tanpa pindaan. Pengesahan minit dicadangkan oleh Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan dan disokong oleh Y.B. Tuan Dr. Shafie Abu Bakar.

Tindakan : Makluman

3. PERBINCANGAN JAWATANKUASA

- 3.1. Y.B. Tuan Pengurus memaklumkan, Jawatankuasa telah memanggil dua orang tertuduh atas pertuduhan secara berasingan ataupun bersesama melakukan kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut kepada Tuan Speaker iaitu Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah dan peguam Datuk Hafarizam bin Harun dan seorang saksi iaitu Cik Nur Ashikin Abdul Rahim daripada Tetuan Tommy Thomas, Advocates & Solicitors.

Tindakan : Makluman

- 3.2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Datuk Hafarizam bin Harun tidak akan menghadiri Pendengaran Tertutup pada hari ini melalui surat makluman kepada Setiausaha Bahagian. Jawatankuasa bagaimanapun sebulat suara ingin meneruskan Pendengaran Tertutup pada hari ini.

Tindakan : Makluman

- 3.3. Y.B. Tuan Pengurus seterusnya memanggil Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah untuk memberikan penjelasan kepada Jawatankuasa berhubung pertuduhan yang dibacakan dan turut memanggil saksi, Cik Nur Ashikin Abdul Rahim untuk memberikan keterangan berkaitan. Penjelasan yang diberikan adalah seperti di Lampiran A.

Tindakan : Makluman

- 3.4. Setelah selesai Pendengaran Tertutup, Jawatankuasa berbincang dan memutuskan sebulat suara mengenai pertuduhan terhadap individu di bawah :

3.4.1. Y. Bhg. Datuk Hafarizam bin Harun:

- i. Jawatankuasa tidak menerima alasan yang dikemukakan oleh Y.Bhg. Datuk Hafarizam bin Harun memandangkan saman telah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum saman pemula beliau kepada Dewan Undangan Negeri Selangor, Encik Mohamad Yasid bin Bidin dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Selangor dibacakan pada tarikh yang sama, 29 April 2011 di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Tindakan : Makluman

- ii. Y.B. Tuan Pengurus telah mengarahkan Setiausaha Jawatankuasa membuat laporan polis terhadap Y. Bhg. Datuk Hafarizam bin Harun kerana melanggar kesalahan di bawah Seksyen 3b, 3c, dan 3e, Enakmen Penghinaan Dewan (Negeri Selangor) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4, Enakmen yang sama.

Tindakan : Setiausaha Jawatankuasa

- iii. Y. Bhg. Datuk Hafarizam bin Harun juga didapati bersalah. Untuk itu beliau perlu membayar denda sebanyak RM20,000 kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Tindakan : Makluman

3.4.2. Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

- i. Jawatankuasa mendapati beliau tidak bersalah berdasarkan penjelasan di hadapan Jawatankuasa terhadap surat yang dikeluarkan oleh peguam beliau kepada Y.B. Dato' Teng Chang Khim melalui peguamnya Tetuan Tommy Thomas & Associates.

Tindakan : Makluman

- ii. Jawatankuasa juga menerima permohonan maaf secara peribadi beliau di atas tindakan peguam beliau mengeluarkan surat bertarikh 29 Mac 2011.

Tindakan : Makluman

- 3.5. Jawatankuasa mengambil maklum, Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Selangor mengenai perkara ini perlu disediakan dan perlu memaklumkan keputusan yang telah di buat oleh Jawatankuasa. Y.B. Tuan Pengurus akan menyediakan perincian mengenai bentuk kesalahan dan hukuman yang telah dipersetujui pada mesyuarat ini.

Tindakan : Y.B. Tuan Pengurus/Urusetia

4. PENUTUP


- 4.1. Y.B. Tuan Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa dan Urus setia. Mesyuarat seterusnya ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari.

Tindakan : Makluman

Disediakan oleh:

URUS SETIA
Jawatankuasa Hak & Kebebasan
Bagi Dewan Negeri Selangor

Disemak oleh:


MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha
Jawatankuasa Hak & Kebebasan
Bagi Dewan Negeri Selangor

Disahkan oleh:


TUAN M. MANOHARAN
Pengerusi
Jawatankuasa Hak & Kebebasan
Bagi Dewan Negeri Selangor

LAMPIRAN A

**PENDENGARAN TERTUTUP
OLEH
JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN**

**29 APRIL 2011 (Jumaat), Jam 9:30 Pagi
Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,
40000 Shah Alam**

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Selamat pagi Y.B Tuan Badrul Hisham. Saya M. Manoharan sebagai Pengurus Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor... sebelah kanan saya ialah ahli-ahli bagi hak dan kebebasan Dewan Negeri Selangor iaitu...Y.B. Dr. Shafie dan Y.B. Hannah Yeoh.. di sebelah kiri saya ialah Setiausaha Dewan, Tuan Yasid, "Tuan Yasid boleh memperkenalkan ahli-ahli.."

TUAN MOHAMAD YASID BIN BIDIN: Yang Berhormat.. "Ini adalah kita punya barisan Urusetialah..yang sebelah saya Puan Asdiana dia sebenarnya adalah Ketua Penolong Setiausaha, Puan Diana iaitu, Penolong Setiausaha dan juga Puan Siti urusetia".

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Tuan.. Y.B.. ada peguam?..ada lantik peguam untuk mewakili Y.B.? "Tak de..untuk prosiding pada hari ini ada peguam tersendiri ataupun peguam yang sama..? sendiri yer? Ok..dalam prosiding ni tak de peguam yer..? ingin memberi penjelasan secara sendiri..?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: yer lah saya dipanggil.. untuk memberi penjelasan..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok..ok..kite jalankan prosedur pertama..iaitu untuk err..Y.B Tuan Badrul Hisham untuk mengangkat..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Tak..tak..Ok..Perlu saya panggil peguam?.... Macamane?

TUAN MOHAMAD YASID BIN BIDIN: kita angkat sumpah dulu.. Ok..Y.B baca ni..berdiri baca..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: "Bahawasanya, saya Badrul Hisham Bin Abdullah dengan sesungguhnya bersumpah atau berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka".

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Y.B ada terima saman..? daripada jawatankuasa hak dan kebebasan Dewan Negeri Selangor..?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Ada..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ada terima ...bila terima saman?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: 12 April..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: tarikh..er..12 April..bila terima? Terima saman?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: terima..terima 13..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Terima pada 13 yer..? Tuan boleh bacakan saman er..pertuduhan yang dikenakan keatas Y.B..

TUAN MOHAMAD YASID BIN BIDIN: Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh jadual..Perkara tujuh..perkara berapa ni..?

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: lima puluh..enam puluh.. 77..

TUAN MOHAMAD YASID BIN BIDIN: 77 kuasa dan keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, dan peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu,Yang Berhormat Tuan Badrul Hisham Bin Abdullah dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada 29 April 2011, dan tarikh selanjutnya yang akan ditetapkan. Pada 9 pagi di bilik mesyuarat MMKN tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan untuk memberikan penjelasan terhadap tuduhan secara berasingan atau bersesama melakukan kesalahan menghina dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut seperti berikut: "*We have our clients stick instruction that the cost of forty thousand ringgit is to be paid to the plaintiff and or us as solicitor for the plaintiff within seven days from the letter.*" "*We also have our clients strict instruction to proceed with the bankruptcy proceeding against your client for the.. failure to comply with the order dated 18 February 2011 with were served on you on 22nd March 2011.*" Peringatan adalah diberi bahawa sekiranya kamu gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

Y.B TUAN M. MANOHARAN: Wordly yer..ini, ini pertuduhan ke atas Y.B.. Sekarang saya ingin memanggil seorang saksi, untuk mengemukakan surat yang tertera di dalam saman ini, surat bertarikh 29 Mac 2011. Tolong panggil saksi..Puan...Pn. Ashikin.. Puan Nur Ashikin kena angkat sumpah... Pn. Nur Ashikin yer..? right?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: yer saya.. morning Y.B..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: duduk di mana-mana boleh..

Y.B TUAN M. MANOHARAN: Erm.. dipanggil sebagai saksi yer..? So called as a witness..
there is a few questions berkennaan dengan surat.. err.. boleh angkat sumpah dulu..? angkat
sumpah.. stand up.. bangun yer..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: stand up..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: ok.. oh sorry..sorry.. "Bahawasanya saya, Nur Ashikin Binti Abdul Rahim, dengan sesungguhnya bersumpah bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan jawatankuasa ini, adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Ok.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So.. let me introduce myself.. saya M. Manoharan, Y.B.. Dr. Shafie.. Y.B Hannah Yeoh, dan di sebelah kiri saya.. Tuan Yasid, setiausaha dewan, Asdiana.. and then at one Puan Diana..then Puan Siti.. so that is, yang orang kena saman, Y.B. Badrul Hisham.. atas surat right?..report to thing is the surat bertarikh 29 Mac 2011. Right?.. Do you have a copy of the letter ?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes I do.. as a matter of fact I've got all the relevant correspondence which could tell the whole even how it a.. it is only the relevant ones.. Y.B. wants only the 29 March letter then I can give.

Y.B TUAN M. MANOHARAN: Yes.. So we need you to produce the 29 March 2011, two thousand eleven letter, from Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak to Tetuan Tommy Thomas. Err.. tunjukkan kepada Tuan Badrul Hisham. Y.B..this, ini adalah surat yang err.. dinyatakan di dalam saman yer.. boleh kita tandakan sebagai.. sini sebagai exhibit.. maybe kita boleh tandakan sebagai 'exhibit B 1'..tandakan sebagai exhibit.
Do you have the copy of letter dated 22nd March 2011..can I have look at it.. it is not relevant to case..but its..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: It's quite referred in the..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: It was referred to.. by Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak.

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. sets of letter enclosing this seal order..so I brought both the original copy of the seal order and the letter dated 22nd March lah..

Y.B TUAN M. MANOHARAN: Oh yes.. it cannot be have look at it..cause you don't want too many document standard.. just closing the seal order er.. lately when the order was again enclosed in this letter..? 29 March?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Correct.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Right?.. same closed er.. so you confirm.. this letter dated 29 march 2011.. the order was enclosed second time?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Err.. no actually the order was enclosed in the letter dated 22nd March.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: For the second letter 29 March?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: No enclosing..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: No order was enclosed?.. ok.. So order was served..er by letter dated 22nd March?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Tetuan Tomy Thomas they received until 23rd March?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct.. they only received 23rd by.. err.. at the back of the seal order, we have our acknowledgement receipt of that particular documents.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok.. So anyway..with these letter is surpassing to 29 March..we don't have to ask..? ok..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: ok..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Y.B Badrul Hisham er.. ada apa-apa soalan nak tanya saksi?..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Err.. memandangkan surat semua diberi kepada..peguam saya..untuk..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Dan?.. tak der apa-apa soalan nak tanya saksi?..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Do you know, when the order was extracted?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: We don't know..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Don't know?.. so you was only served on 23rd March by later dated 22nd March?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Correct.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: When it was extracted?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: We have no idea..

Y.B TUAN M. MANOHARAN: No idea?.. Ada apa-apa soalan nak tanya?.. pada-pada ahli-ahli?.. apa-apa soalan atas saksi?.. Tak de soalan?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Tak de lah..sebab hubungan peguam dengan peguam.. saya lantik peguam untuk mewakili saya kan.. so..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok.. So.. Thank you. Puan Norasyikin, if you want to remain seated also can..you all already a witness. If you want to.. leave also can.. nanti you can be here around.

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Ok.. actually Y.B.. if I may see..because actually our firm wants me to say something about these matter.. it is alright with everybody in this meeting.. erm..first er..if the opinion because the forty thousand case is really...enormous amount to which is not er.. justified in this matter because Mr. Thomas didn't even come to reply to the submission and so it is only met in one party basis. And furthermore, we are speaking about defendant which is Selangor legal assembly, that even the checked which is.. er issued.. er.. we sent to government of Selangor, mean obviously government of Selangor can even afford if a costs of ten millions as examples is awarded. So there's actually no need to..to have such request to be need..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: What about just one question, before 29 March 2011, was that any phone calls at.. from.. Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak, was there any calls made to request for the forty thousand?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: As far as I know.. and as far.. err.. what is been told to me no calls.. not informed at all..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: No calls?.. straight away they sent.. letter dated 29 March? No phone calls also? No request?.. noble request?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. no phone calls.. no..
As a matter of fact Y.B, even after we've got notice that this summon was issued by the Selangor Right Suffrages Committee. Em.. on twenty..oh sorry, let me refer.. 15th April.. but on 19th of April we will served lah.. there's a letter dated 15th of April, there still ask er..or rather impress opponents to make payments.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: 15th April yer?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct.. I brought the letter with me..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Can we have look at the letter?..

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Even after summon issued?

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Even after the summons?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Oh.. 15th April yer?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: 15th April but received on 19.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok, so.. these is relevant yer.. cause em.. can we have mark please... two.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Pengerasi, if i may ask question.. can you just repeat er.. the two statements you made earlier er.. as to.. the statements made by the firm, first one was about..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: First one was.. details the forty thousand amount err.. given.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: As I've been told?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yeah.. it is unjustified, because firstly Mr. Thomas er.. who suppose to be counsel for the speaker during the hearing, didn't even come to reply to the submissions, so its basically submissions on by one party.. err

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: You appeared in court below.. so high court?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes, correct.. I appeared on 18th February

Y.B TUAN M. MANOHARAN: You appear then err.. you requested for the postponement?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: And, the court did not allowed, and they proceed it? This proceeding X party?.. for that is forty thousand? Ok..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. yes.. So, actually they ask for the 50k, but the judge only deducted 10k..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: And give forty thousand?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: So, and become 40k, and then.. em secondly it's because er.. we are not talking about an insolvent person as a defendant here, I mean.. and then we have, furthermore we have pending setting the set applications just being caught for case management today and the hearing will be next week.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So.. you agree that the.. Dato' Teng Chang Khim was sued as a Speaker of the Dewan?.. Not in his personal capacity, his chair it was?

Puan Nur Ashikin Binti Abdul Rahim: Yes..yes.. Yes correct. If you see the order accept for sue, er.. he was been sued as the Speaker

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Speaker?.. dituntut selaku Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct, not in personal capacity. If, the err.. Committee would like to see our letter.. enclosing the check barring the acknowledgement receipt just a matter a record, cotation of record that we have paid the 40k, without prejudice to the outcome of the appeal jurisprudence, appeal to the court, and also the selling aside application then we do bring our copy..

Y.B TUAN M. MANOHARAN: Alright, the other question, did you make any submission on the costs?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: No, I don't. I've no instruction from the Speaker, so I not.. err.. I don't have the place to do..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: No? So you agreed that the appeal was filed? Against that the decision yer?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. yes correct.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Appeal was filed.. against the decision of the High Court?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. on 16 of March it was filed.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: 16 March?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes, correct

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Cause within time yer?.. within one month.. The decision was on 18 February to 16 March appeal was filed.. was that any other applications filed? The setting aside?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: *The setting application was filed err...one moment..*

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Setting aside of the order dated 18 February yer?...*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Was filed on?..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: *Just refer to my summaries... 23rd of February*

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Setting aside was filed on 23rd February 2011?...*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes, that..correct

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *So..immediately..? there's within four days?..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *That's so is twelve, five.. five days?..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: *Because of the.. err.. Saturday and Sunday, after the hearing..*

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Setting aside was filed first yer?... on 23rd February 2011?*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Appealed.. to the court of appealed was filed on 16 February?.. so is this informed? Normally to put serious.. the..plaintive lawyers..the respondent lawyers will be informed*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. we..we have acknowledgement..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *The plaintive here..is Badrul Hisham Bin Abdullah, bagi Badrul Hisham... solicitors will informed..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Of.. these appeals and the setting aside..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *So there are fully aware of their appealed and the setting aside..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes, because there are still considered parties, so we served all the cause there.. even they applied to the..

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: There were notified are which date?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: There were such straight away..after we filed the seal.. seal, unsealed copy first, as I see and also for affidavit foreseen a floor.. there have also replied to the application.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Err.. ok.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Correct.. Under the rules when you filed, you also served at the same time?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So, appealed was file on 16th March 2011, so.. lets seem that it was also served on to the, Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak on the same day. Setting aside was filed on 23rd February 2011, a copy unsealed copy was served on the same day. Cause any date fixed for the setting aside? When yes?..

Alright, so there is already a date er? 19 April 2011, for hearing of the setting aside?

Yes..yes..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct.. yes.. on the same day.. yes.

Yes, the sealed copy came back to us, barring the date of 19th April..

Yes.. yes.. Erm.. actually was that 19 of April was a first returnable date, so it was fixed for case management.. erm.. I at attended the case management, it was held before.. erm.. Tuan Azmir Muntapa, then today its fixed for parties to filing their respective. Yes today, actually.. case management.. Yes correct.. case management.. before the same magisterial.. err to file in return submissions, and exchanged as well, erm.. the hearing its fixed on 4th of May.. Yes correct, next week.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok.. Today? 29 er? 29 April, for second case management. Second case management.. ok.. ok.. ok.. ok

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: 4th May?.. So, when was the hearing dates fixed?.. err.. on the 19th April itself? So, on the 19th April, err.. 4th May hearing was already fixed? So, today it's to.. filing the return submissions? So the.. Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak, know about this particular date? 4th May?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes. Yes correct. Oh yes, they attended the case management on 19th April, together.. with the representative from AG chambers, on behalf the Election Commission. Erm.. I believe there're also here for today lah..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok.. so the sealed copy, err.. the return date was 19th April?.. When did you served the sealed copy on to the.. Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak?.. Oh good.. 4th April.. received the setting aside application. Sealed the setting aside application, served on to the err.. plaintiff lawyer?..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct. We received er.. the, we extracted the sealed copy on about 4th of April.. sealed er.. the setting aside application.. Er, served on plaintiff and AG chambers on 5th of April.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: 5th of April? Served er?.. So, their agreed on 5th April 2011, Tetuan Hafarizam Wan and Aishah Mubarak, knew of the 4th May hearing?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yeah, the very next day. Yes. The 4th May hearing at that point in time was.. yes.. yes

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Was, sorry 19th April hearing? So, on 5th April they knew 19th May.. 19th April hearing.. case management hearing. So, that the date, err.. on the summons, setting aside summoned?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Case management. Yes..yes correct.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Did you know the setting aside is coming up for hearing, on the first day of 19th April?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: A yes..case management..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So, there's no need for them to.. sent the second letter of 15th April?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yeah..it's should be received on 19th.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: On the 19th.. so the P2, it's really unbecoming of a.. pressing to proceed er..when you knew the setting aside application?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes, that was what, took us by surprise so, because erm.. They keep on pressing, so we advised the Speaker to just meet the payment first, but without prejudice.. erm er.. hence payment was made according

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: P2 yer?.. its original copy.. Ok, so let me get the dates, err.. correct again er?.. So, on 4th April 2011, we extracted the sealed, er.. sealed setting aside applications.

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes. Yes correct. Yes.. yes correct

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Extracted on 4th April 2011, served on to Tetuan Hafarizam on 5th April 2011. And, on 5th April the service copy of the sealed summoned has returned date? 19 April? Parties appeared before the court, on 19th April for the first case management of the setting aside?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes correct. Yes correct..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So you also agreed that the, the 15th April letter is really not necessary?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Not necessary at all, some more it was weak for very.. er urgent hearing as well.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: There was certificate of the urgencies?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: We didn't file certificate of the urgencies, but er.. he, Datuk Hafarizam himself attended the case management on 19th April. And then he know at that point when we fixed that it was going to be heard as soon as 4th of May. Just even less than three weeks.. Very short dates was given.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So, very short dates was given. So, this is really no hurryh in the matter? But they still threaten to request for forty thousand? Despite, the hearing there's has been fixed?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes. Despite..because the letter was served on us in the afternoon, around twelve.. twelve o'clock. So, it was after he, attended the case management..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Oh..was it.. The letter was served?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: The letter was served on us at about twelve p.m.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Right.. there's important er.. To on.. on 19th April 2011 immediately after attending the case management date, it is saw, to your shocked it's saw another letter? Demanding payment? And strict instructions to proceed?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. yes.. yes..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: ok.. Any other questions?. This is marked as P2. Boleh tunjukkan kepada.. Y.B. Tuan Badrul.. Even before the second letters was there any phone called? From, Tetuan Hafarizam.. requesting for the.. it was all in writing..? Demand for payment of forty thousand..

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: No.. As far as I know, nothing.. Yeah.. Yes correct. Even when I attended the case management, Datuk Hafarizam didn't say anything about the costs.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: So, there is no courtesy between solicitors to make a call.. to request?.. No?.. No polite manner calls?.. no er?.. straight away? Proceeding.. so their said they.. er proceed accordingly, that means they want to.. they insisting in proceeding bankruptcy proceeding against Dato Teng Chang Khim?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Apparently no.. yeah.. no.. straight away.. What we are understand, because we.. we take it that we press make reference to the letter, the earlier letter, so that the earlier letter talks about the proceeding for bankruptcy proceeding, then a..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Which clearly they can't? They can't proceed?.. Bankruptcy proceeding against the chair? Because it is, the state government it's been sued. The Speaker has been sued, in his capacity as a Speaker, not in his personal capacity.

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. the Speaker changed seat within the days then, who do you.. you know..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Yeah.. that's right, it cannot declared somebody else as bankrupt, when you are suing the chair..ok. The order, do you have a copy of the order?.. You have a copy of the order?.. That they give the order? Dated 18th February 2011?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Used together with the letter dated 22nd March. Yer..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: 22nd March? Because I want to know that the, cause your name is mentioned in the order.

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes, because I was there.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: As Puan Nur Ashikin Binti Abdul Rahim er?.. And, last question is, this particular letter 29 March 2011, received by Tetuan Tomy Thomas on 30th March? When did you notified, er.. the Speaker, Dato Teng Chang Khim?

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes..yes We, emailed him the letter, err.. straight away.. erm.. but then, er.. after Mr. Thomas, I'm not sure..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Straight away? It was faxed, on 31st March? Let see the fax's, there's fax copy.

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Faxes copy.. oh, which one er.. let me see..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *29th March, P1.. you look at P1, boleh tunjukkan P1.. It was faxes.. from er.. your office to Dato' Teng Chang Khim, am I right?*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: *Usually we, correspond with er.. the Speaker by email, if the fax is only after when they request for faxes..*

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *So, on the same day, it was emailed to him? I see at top, er.. faxes..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: *I don't.. Actually I don't bring my faxes pod folder.*

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Can I should.. ok you don't have a copy of that er? So, you similarly notified to the Speaker? Of this threat? Ok..*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes..yes.. yes

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Y.B. Er.. Tuan Badrul ada apa-apa soalan nak tanya saksi, Puan Nur Ashikin? Tak der soalan? Sebelum kita mendengar penjelasan daripada.. kita pun ada beberapa soalan nak tanya, untuk mendapatkan penjelasan daripada Y.B. Tak der er?..

Y.B. TUAN DR SHAFIE : Tak der.. tak der dah..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: *Ok, you can remain seated, we make it as informal as well, we don't want to be to...*

PUAN NUR ASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM: Yes.. understand

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ok Y.B. er.. Tuan Badrul er.. saya ingin tanya soalan er.. Y.B. Tuan Badrul, apa nama firma guaman yang Y.B Tuan Badrul lantik bagi kes ini?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Hafarizam Wan dan Aishah Mubarak, peguam bela dan peguam cara.. yang beralamat di.. yer.. Yer firma, beralamat di, Menara Dato Onn, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ini peguam yang kamu lantik? Firma, firma?
So, peguam yang, daripada firma ini yang mewakili.. Y.B. Tuan Badrul.. siapa peguam yang mewakili?..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Yang menandatangani apa-apa surat pun, Datuk Mohd Hafarizam Harun.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Setuju? Er.. surat bertarikh 29 Mac 2011 tu ditandatangani oleh Datuk Mohd Hafarizam Harun, JP? Setuju ini tandatangan beliau?.. setuju er? Ini surat ini

dikeluarkan oleh beliau sendiri?.. setuju? Ok.. Surat ini dikeluarkan oleh beliau sendiri, P1? Err.. adakah Y.B. Tuan Badrul hadir di mahkamah pada tarikh pendengaran?..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Yer setuju.. Err.. sebagai mewakili saya lah.. Yer, melalui.. ialah syarikat guaman dia kan, dia yang mewakili saya. Tarikh pendengaran.. er..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Saman pemula.. yang mencabar.. Speaker dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia? Hadir? Di mahkamah? Bila tu? Hadir di mahkamah bila?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Saya ada.. ada, Err.. saya ingat masa membincangkan pasal.. er.. Masa.. er.. hadir kebetulan waktu membincangkan pindaan perlombagaan mengenai apa.. SUK.. Saya tak dapat hadir, saye dihalang memasuki dewan, er.. Ha.. petang tu saye..saye.. er hadir di mahkamah lah.. untuk..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: A ha.. Yer lah.. saya sekarang tanya.. er..
Pada petang kamu dihalang untuk hadir.. Pagi kamu dihalang, petang kamu pergi ke mahkamah? Tak.. tak ingat tarikh? Tarikh pertama kali, hadir di mahkamah? Keputusan mahkamah? Tau, apa keputusan mahkamah yang dibuat pada tarikh 8 er.. keputusan mahkamah? Tarikh hadir.. tarikh er pendengaran adalah 18 Februari 2011. Soalan, adakah Y.B. Badrul hadir, pada 18 Februari 2011? Hadir di mahkamah pada..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Pagi..pagi.. Saya..
Tarikh.. saya Err.. lupa lah.. keputusan mahkamah.. Saya.. er melantik peguam, ada kalanya urusan tu saya tak perlu hadir kan.. saya ada..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Tak der.. pada 18 Februari 2011, hadir tak? Kurang pasti? So tarikh.. er.. pada 18 Februari 2011 suatu keputusan telah dibuat, adakah Y.B., Badrul tahu apakah keputusan yang telah dibuat? Yer..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Saya..kurang pasti lah.. yer.. yer.. Keputusan.. er.. kalau tak silap saya lah.. Err.. meminta tiga-tiga pihak ini, supaya er.. tidak membuat apa-apa tindakan dulu.. kemudian perkara ini akan dibincangkan kemudian, kalau tak silap saya. Ketiga-tiga pihak, saya, Y.B Dato' Speaker dan juga Suruhanjaya Pilihan Raya.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Ketiga-tiga pihak? Tidak membuat apa? Kamu tidak tahu apakah keputusan spesifik yang dibuat oleh mahkamah pada 18 Februari 2011?

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Saya tak faham tadi, ketiga-tiga pihak jangan buat keputusan, tadi.. ketiga-tiga pihak apa tadi? Tak..tak berapa jelas?..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Yer?.. Ketiga-tiga pihak, tidak boleh mengambil bahagian dalam ni lah.. kerana saya er.. memasukan kes saya ni er.. rentetan

daripada kekosongan kerusi yer, saya berasa er.. kurang puas hati dan saya nak taulah penjelasan macam mana kan..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Kita nak tahu er.. daripada.. Y.B. Badrul, kesedaran tentang nak ambil tindakan ni memang datang daripada Y.B. ataupun, di.. er.. ape ni.. di 'approached' oleh er.. satu pihak yang lain untuk mengingatkan er.. Y.B. Badrul bahawa ini, wajar diambil tindakan ataupun macam mana?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Saya sendiri, yang.. Saya sendiri yang ingin tahu kenapa kan.. Yer.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Memang sedar sendiri?.. Dan bertindak me..me mengambil er.. apa ni er.. *lawyer*?..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Lantik *lawyer* sendiri ke, ataupun ada orang melantik bagi pihak kamu? Sendiri? Ada bayar yuran guaman dan semuanya?.. Lawyer ni?.. Lawyer Tetuan Hafarizam Wan dan.. Ada dia..ada.. touch up apa-apa..free? Setakat ni tak der buat apa-apa bayaranlah? Dia dah buat kes untuk.. Y.B. Badrul? Tak der perbincangan tentang yuran? Berapa nak bayar peguam ni? Tak der semasa melantik, tak der..perbincangan mengenai berapa dia nak.. dia akan caj Y.B. Badrul, untuk membuat kerja-kerja, pergi ke mahkamah.. lari sini lari sana, menyediakan dokumen-dokumen ?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Melantik sendiri.. er... Er.. Saya belum terima lagi.. er mungkin pihak.. Belum..belum. Belum.. belum saya belum buat apa-apa bayaran. Er.. setakat yang saya tahu.. er.. apa ni.. ialah ada pihak-pihak guaman yang tengok kes ni boleh menang, kemudian..Tapi sebelum tu, er.. Y.B. Speaker, yang dilantik sebagai Speaker ni, Penggerusi sementara, er.. saya ialah sudi mengadap di tempat ni dengan cara ikhlas, atas batang tubuh saya sendiri, untuk menyatakan daripada apa surat jemputan yang mengatakan saya perlu hadir untuk memberitahu.. ada err.. ialah perkataan ataupun bahasa yang tak senonoh, berkenaan dengan surat mengenai tuntutan 40,000 ribu ni.. kemudian apa ni, pada masa 7 hari, kemudian untuk apa ni, *declared* dengan maaf lah..seseorang tu..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Tak der.. er.. sekarang kita nak tau Y.B.. Y.B. tau tak tentang keputusan mahkamah?.. Tak der.. ada keputusan mengatakan er.. tentang kos 40000 ribu, adakah Y.B. Badrul tahu tentang kos 40,000? Sesiapa yang membuat keputusan, tau? Kamu buat keputusan? Tak der.. kos kena bayar 40,000 ribu tu? Hakim mahkamah?..So, adakah er..Y.B Badrul memberi arahan kepada peguam kamu, untuk menuntut 40,000 ini, daripada Speaker Dato' Teng Chang Khim? Ada memberi arahan tak?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Tu saya cakap tadi..er.. adakalanya saya perlu hadir adakalanya saya tak perlu hadir.. Yer saya tau.. Er.. saya.. Dengan rundingan antara peguam.Oh.. tu hakim mahkamah.Kalau, kalau.. er.. apa ni.. dari segi undang-undang, ada yang ialah kebanyakannya saya tak paham, tu sebab saya melantik sebab tu saya lantik peguam..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Tak der.. ni soalan spesifik, adakah Y.B.Badrul, memberi arahan kepada Datuk Hafarizam ke atau pun firma beliau, untuk menuntut wang 40,000 ringgit ni?.. Adakah kamu sendiri ada memberi arahan?.. Ada atau tidak? Itu yang saya nak tau..

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Er.. Kita ada berbincang, tapi saya.. Saya ada berbincang, dengan peguam macam mana kan ni.. Ha.. tu..

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Macam mana nak jalankan kes dan sebagainya? Selepas hari itu, ada.. dah menang kan..dah dapat arahan daripada mahkamah, ada selepas itu, adakah Y.B. Badrul memberi arahan kepada peguam kamu, untuk menuntut 40,000 ribu ringgit ini?.. Kamu tidak beri arahan? Setuju kamu tidak diberi, kamu tidak memberi arahan pergi tuntut 40,000 ribu ni? Ada tak.. ada beri arahan tak?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Itu..pegawai, yer peguam. Saya.. saya diberitahu..Saya Cuma..menyebut ar.. saya menyerahkan kepada pihak peguam. Ha..tu dia.

Y.B. TUAN M. MANOHARAN: Menyerahkan kepada pihak peguam?

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Atau.. saudara Y.B. Badrul dinasihat oleh peguam, untuk menuntut 40,000 ribu?..Tak der.. tak kan tak timbul.. dia timbul 40,000 ribu dengan tak der asal usul, sama ada saudara mengarah, atau dinasihat oleh peguam?Adakah bermakna, er.. firma tu yang me.. menentukan?..

Pastu macam mana timbul 40,000 ribu?..

